

## **KRITIKAN TERHADAP SUMBER DAN FAKTA SEJARAH**

*Arba'iyah Mohd Noor*

### **SUMBER**

Sumber merupakan suatu yang boleh menjadi punca kepada lahirnya sesuatu pemikiran atau penulisan. Sumber itu berbeza dengan ilham kerana ia tidaklah bersifat abstrak ataupun spontan tetapi ia boleh dirujuk semula apabila diperlukan. Ia juga dikatakan sebagai sekumpulan bahan-bahan yang tersimpan di arkib, perpustakaan, muzium, istana dan sebagainya dan boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dalam semua bidang keilmuan.<sup>1</sup> Jadi sumber ini tidaklah terhad untuk kegunaan sejarah sahaja tetapi merangkumi ilmu-ilmu lain yang memerlukannya.

Sebenarnya sumber sejarah telah wujud dalam pelbagai bentuk. Ada yang ditulis di atas kertas, dipahat seperti batu bersurat atau prasasti, diukir di atas kayu, buluh, tulang, tanduk, daun-daun, kepingan logam dan sebagainya. Semua bahan-bahan yang bertulis ini akhirnya dikumpulkan untuk disimpan sebagai sumber sejarah.<sup>2</sup>

Kebiasaannya sumber dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sumber pertama atau disebut sebagai sumber primer (*primary sources*) dan sumber kedua atau dikenali sebagai sumber sekunder (*secondary sources*). Sumber primer adalah sumber yang biasanya dalam keadaan asli atau belum ditafsir dan diperlengkapkan lagi. Contoh bagi sumber pertama adalah seperti surat-surat yang tidak rasmi ataupun yang rasmi, catatan dan laporan harian, diari, dokumen-dokumen dan sebagainya. Ia menjadi sumber utama disebabkan oleh keadaanya sendiri yang merupakan sumber pertama sekali mencatatkan sesuatu peristiwa yang berlaku.<sup>3</sup> Biasanya sejarawan akan memilih dokumen-dokumen yang berupa sumber primer kerana ia memberi maklumat yang benar untuk diselidiki. Manakala sumber sekunder adalah ibarat tulisan atau buku yang ditulis oleh sejarawan sendiri mengenai seseorang tokoh, sesuatu peristiwa yang didasarkan oleh sumber pertama atau sumber-sumber yang lain dan sebagainya. Sumber kedua ini dirujuk atau digunakan oleh para penyelidik untuk mengukuhkan sesuatu hujah mereka. Contoh-contoh bagi sumber kedua ini ialah buku-buku, majalah-majalah, surat khabar, disertasi atau tesis-tesis dan sebagainya.

Di Malaysia terdapat banyak sumber-sumber sejarah yang telah wujud terutamanya selepas kedatangan pengaruh Barat seperti Inggeris dan Belanda. Sumber-sumber tersebut berbentuk dokumen-dokumen, perjanjian-perjanjian, surat-surat rasmi yang ditulis oleh mereka sama ada kepada raja-raja Melayu ataupun di antara kerajaan Tanah Melayu dengan raja-raja di Eropah dan sebagainya.

Banyak dokumen-dokumen dari sumber utama yang didapati di Arkib Negara telah ditulis oleh orang Barat mahupun warga asing yang datang ke Tanah

Melayu seperti dokumen-dokumen pegawai British, catatan atau laporan Cina atau Arab. Cuma terdapat beberapa sahaja surat yang ditandatangani oleh Raja-raja Melayu. Mereka yang menulis ini merupakan antara para pegawai kolonial yang menjalankan tugas rasmi mereka di negeri-negeri Melayu. Di samping menjalankan tugas mereka, mereka ini telah sedikit sebanyak mencatatkan hal-hal kehidupan masyarakat tempatan. Antara pegawai kolonial yang telah menghasilkan banyak penulisan dan akhirnya menjadi sumber rujukan masyarakat tempatan ialah Francis Light, Stamford Raffles, John Anderson, James Brooke dan sebagainya.

Terdapat juga sesetengah daripada tulisan-tulisan mereka yang agak cenderung atau *bias* kepada pandangan atau kacamata Barat (Eropah). Penulisan yang berpihak kepada pandangan Barat ini disebut sebagai penulisan berbentuk *Eurocentric*<sup>4</sup> kadang kalanya bertentangan dengan masyarakat tempatan. Pegawai-pegawai kolonial British ini mula menanamkan minat terhadap penulisan sejarah mengenai masyarakat Melayu dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Alam Melayu setelah mendapati kepentingan ekonomi mereka di Tanah Melayu. Misalnya karya P.J. Begbie yang bertajuk *The Malayan Peninsula Embracing Its History, Manners and Customs of the Inhabitants, Politics, Natural History* yang telah ditulis pada 1834. Begitu jugalah dengan karya T.J. Newbold iaitu *Political and Statistical Accounts of the British Settlements in the Straits of Malacca* pada 1839 juga turut menggambarkan tentang keadaan ekonomi Negari-negeri Selat dan Semenanjung Tanah Melayu.<sup>5</sup> Walaupun karya-karya ini lebih mementingkan kesahihan fakta sebenar tetapi ia tetap juga ditulis dari kaca mata barat iaitu dengan menekankan tentang perluasan kuasa barat di Tanah Melayu. Ini bertujuan supaya dapat menunjukkan kehebatan mereka dalam menjalankan kegiatan mereka di samping dapat memaklumkan kepada kerajaan England tentang keseluruhan kekayaan pelbagai hasil bumi yang ada di rantau Asia Tenggara ini, pusat perdagangannya dan juga keadaan masyarakat Melayu sendiri.

Percubaan dalam penulisan sejarah seterusnya telah dilakukan oleh Frank Sweetenham pada 1906 dengan karyanya bertajuk *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*. Kemudian diikuti pula oleh R.J. Wilkinson dengan karyanya iaitu ‘History of the Peninsular Malays’ (1908) dan kemudiannya diterbitkan sebagai *A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak and Selangor* pada 1923. R.O. Winstedt pula meneruskan usaha tersebut dengan karyanya iaitu ‘A History of Malaya’ (1935) dan ‘A History of Malay Literature’ (1939) dalam JMBRAS, *Britain and Malaya 1786-1941* (1944), *The Malays: A Cultural History* (1947) dan *Malaya and Its History* (1948).<sup>6</sup> Apa yang ketaranya ialah karya-karya pihak kolonial British ini lebih memaparkan tentang kebaikan yang boleh diperolehi oleh mereka di Tanah Melayu setelah mereka hadir sebagai pengusaha di sini selain mengangkat martabat bangsa barat yang telah membawa kemajuan kepada masyarakat Tanah Melayu tanpa sedikitpun melihat kelemahan mereka sendiri.

Begitu jugalah dengan sesetengah penulisan sejarah yang dibuat oleh pihak kolonial British ini agak bertentangan dengan keadaan sebenar masyarakat setempat

dan sejarah yang mereka tulis juga lebih cenderung kepada kacamata barat. Misalnya Winstedt dan Wilkinson dalam karyanya *A History of Perak* turut memburuk-burukkan keadaan sistem pentadbiran di Perak. Mereka mengatakan bahawa hura-hara yang berlaku dalam masyarakat Melayu adalah akibat sistem percukaian dan perhamaan yang menyedihkan. Manakala campurtangan pihak British di Perak adalah secara jujur mahu mendamaikan keadaan politik Perak yang bergolak pada masa itu.<sup>7</sup>

Selain itu juga tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pihak kolonial ini cuba merendah-rendahkan martabat dan keupayaan masyarakat Melayu dalam menjalankan sistem pentadbiran mereka. Misalnya Frank Swettenham pernah mengatakan bahawa orang-orang Melayu adalah bangsa yang malas, tidak berperaturan dan tidak mempunyai institusi politik. Manakala orang-orang Eropah lebih pintar daripada orang-orang Asia sehingga mereka dapat menguasai rantau Asia ini dengan mudah sekali.<sup>8</sup>

Pada 1930an Rupert Emerson, seorang rakyat Amerika dalam karyanya iaitu *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (1937) cuba mengkritik dasar-dasar imperialisme British di Tanah Melayu.<sup>9</sup> Dengan paparan karya beliau yang berbeza sekali dengan karya Swettenham, Winstedt dan Wilkinson, maka bolehlah dikatakan bahawa bentuk pensejarahan yang cenderung kepada pandangan dan kacamata barat mula mengalami perubahan. Ramai pengkaji-pengkaji sejarah seperti D.G.E. Hall, J.R.W. Smail dan John Bastin juga turut menunjukkan ketidakpuasan hati mereka terhadap karya-karya sejarah koloni yang agak ‘bias’. Mereka mengatakan bahawa pegawai-pegawai koloni itu hanya menulis dari sudut kacamata mereka sendiri dengan memuatkan segala sumbangan yang telah mereka lakukan. Jadi karya mereka itu lebih bersifat *euro-centric* dan *ethno-centric*.

Namun selepas kekalahan kuasa Barat di tangan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua, maka bangkitlah semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu amnya dan masyarakat Asia Tenggara khasnya. Kesedaran mula timbul di kalangan golongan Melayu terpelajar terhadap penulisan sejarah pihak kolonial British yang agak berat sebelah (*bias*) dan meragukan yang telah ditulis oleh golongan pegawai Belanda dan Inggeris terutamanya apabila pihak kolonial sentiasa memburuk-buruk dan merendah-rendahkan kemampuan masyarakat Melayu.<sup>10</sup> Di samping itu kandungan karya pegawai-pegawai kolonial ini lebih memberi penekanan dan paparan kepada setiap kekuatan pengaruh dan aktiviti ekonomi yang mereka jalankan terutamanya di seluruh Kepulauan Melayu pada ketika itu.<sup>11</sup> Jika adapun buku-buku teks Melayu yang disediakan oleh maktab-maktab, hanyalah teks-teks Melayu lama yang kurang berkualiti seperti *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Malim Dewa*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Bayan Budiman* dan cerita-cerita jenaka. Tujuan pihak British menyajikan teks-teks Melayu lama ini adalah supaya masyarakat Melayu menganggap bahawa hikayat-hikayat ini sebahagian daripada pandangan dan falsafah hidup masyarakat Melayu sendiri di samping merendah-rendahkan martabat orang Melayu sendiri.

Oleh kerana itu maka lahir beberapa karya yang dikarang dengan tujuan

menaikkan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu. Antara karya-karya tersebut ialah *Melihat Tanah Air* sekitar 1941, *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya* (1948 dan diterbit 1951), *Nusa dan bangsa* (1951), dan *Sekitar Malaya Merdeka* (1957) yang dikarang oleh Ibrahim Yaacob sendiri. Beliau telah mengetengahkan konsep Melayu Raya dan Indonesia Raya selepas Perang Dunia Kedua bagi mempereratkan lagi perasaan dan semangat persaudaraan di kalangan masyarakat di Tanah Melayu dan Indonesia. Selain Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam juga dikatakan pernah menerbitkan risalah yang bertajuk *Testament Politik A.P.I.* dan Dr. Burhanuddin al-Helmi pula menerbitkan *Sejarah Perjuangan Kita dan Asas Falsafah Kebangsaan Melayu* bagi membangkitkan semangat perjuangan kebangsaan Melayu.<sup>12</sup> Mereka ini semuanya terlibat secara langsung dalam politik Tanah Melayu dan menyuarakan tuntutan kemerdekaan bagi membebaskan negara dari terus dijajah oleh penjajah luar. Manakala akhbar atau majalah berbentuk sejarah juga memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat perjuangan menentang penjajah Barat antaranya ialah *Fajar Asia, al-Islam, Neraca, Pengasuh, Majalah Guru, Panduan Guru, Edaran Zaman, Lidah Benar* dan sebagainya.<sup>13</sup>

Kebanyakan karya-karya pensejarahan tempatan yang dikarang oleh penulis-penulis Melayu adalah atas kesedaran mereka untuk memaparkan kebenaran sejarah yang berlaku di samping menaikkan semangat cintakan tanahair sendiri dan memasukkan unsur teladan bagi masyarakat memperbaiki bangsa mereka. Walaubagaimanapun mereka masih lagi kurang menggunakan kaedah penyelidikan yang munasabah antaranya ialah pendekatan dan penyampaian secara berhujah dengan memasukkan sumber-sumber yang dirujuk oleh mereka agar karya mereka itu mempunyai kebenaran yang nyata. Antara karya yang menggunakan kaedah tersebut ialah majalah *Kencana* yang menyatakan rujukannya adalah melalui riwayat orang tua-tua yang diambil dari *Kitab Alam Melayu, Sejarah Alam Melayu* dan *Geografi Semenanjung Negeri Kelantan*. Manakala makalah *Cenderamata* pula cuba menyelar sikap penulis yang bebas membuat tafsirannya sendiri dalam mengungkap peristiwa-peristiwa sejarah.<sup>14</sup>

## **FAKTA DAN REALITI SEJARAH**

Fakta adalah pernyataan-pernyataan tentang kejadian yang berlaku sama ada yang disediakan oleh akhbar dan sumber-sumber yang lain. Ia merupakan nadi ataupun tulang belakang bagi sejarah. Sekiranya fakta tidak ada bermakna seseorang itu seolah-olah bercakap kosong sahaja. Fakta mempunyai hubungan yang erat di antara sumber kerana daripada sumberlah lahirnya fakta.<sup>15</sup>

Sejarah yang telah berlaku tidak akan berulang atau diulang atau dialami kembali tetapi kesannya lah yang menjadi memori kepada kita untuk diungkapkan kembali. Bentuk pengungkapan kembali tentang kejadian itu adalah pernyataan (*statement*). Fakta ini terhasil daripada proses ingatan ahli-ahli sejarah. Jadi fakta itu merupakan suatu perkara yang subjektif pada hakikat yang sebenarnya kerana

ia adalah bentuk gambaran atau cerita atau konstruk (pembentukan) yang dilakukan oleh sejarawan.

Banyak pendapat mengatakan fakta tidak boleh berubah (sifatnya tetap) tapi sebenarnya terdapat fakta yang masih belum mantap. Contohnya, fakta tentang pembunuhan J.F. Kennedy yang masih menjadi kontroversi akan siapakah pembunuh sebenarnya dan akibat daripada kontroversi itu, timbulnya banyak teori yang berbeza mengenai peristiwa tersebut.

Terdapat juga fakta tepat (*hard facts*) seperti tarikh perisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 yang diterima umum dan tidak berubah dan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Oleh itu boleh kita katakan bahawa fakta adalah bahan utama yang digunakan oleh sejarawan untuk menyusun suatu cerita atau analisa sejarah. Ia adalah satu konstruk yang dibuat oleh sejarawan yang mengandungi fakta subjektif iaitu unsur subjek (penulis adalah unsur subjek). Dari itu sukar untuk mempercayai suatu fakta itu benar atau sebaliknya kerana fakta itu ialah apa yang ditulis atau disusun oleh penulis (subjek).

Kebarangkalian berlakunya penyelewengan fakta, sama ada fakta tersebut ditokok-tambah atau dikurangkan mungkin tinggi. Misalnya banyak fakta sejarah zaman klasik telah dicampur adukkan dengan cerita fiksyen atau cerita rekaan dan ia tidak dapat diterima secara logik. Ini kerana cerita rekaan itu diselitkan dengan tujuan untuk menyedapkan fakta atau jalan cerita tertentu. Atas dasar inilah maka Leopold von Ranke<sup>16</sup> cuba menegaskan bahawa tugas sejarawan adalah untuk mengungkapkan apa yang sebenarnya telah terjadi.<sup>17</sup> Dengan penegasan ini beliau seolah-olah menganggap bahawa setiap fakta adalah bersifat objektif.

Sebenarnya pandangan beliau itu kurang tepat kerana kita tidak boleh mengatakan bahawa sesuatu fakta itu merupakan fakta yang tepat setepatnya. Ini adalah kerana agak sukar bagi kita untuk menemui sesuatu fakta itu tepat (objektif) disebabkan fakta yang tepat (*hard fact*) agak sedikit berbanding dengan fakta-fakta yang kontroversial dan yang ditokok tambah. Ini kerana di dalam penulisan sejarah, biar dianggap ilmiah sekalipun, masih boleh ditemui aspek-aspek subjektif yang tidak dapat dibuktikan kebenarannya dan interpretasi yang diberikan masih boleh dipertikaikan.<sup>18</sup> Pendapat ini juga disokong oleh kenyataan A. Teew bahawa keobjektifan mutlak di dalam sejarah tidak pernah tercapai.<sup>19</sup> Begitu jugalah dengan pendapat Ibnu Khaldun bahawa perkara yang tidak benar memang secara semulajadinya sentiasa mewarnai maklumat sejarah dan hal ini tidak dapat dielakkan sama sekali.<sup>20</sup> Jadi boleh dikatakan bahawa tidak semua fakta sejarah yang sampai kepada kita berada di dalam keadaan murni (kebenaran) kerana ia sentiasa dihiasi oleh interpretasi dan imaginasi dari penulis sejarah sendiri walaupun kuantitiunya kecil dan berlaku secara tidak langsung.<sup>21</sup> Selain itu juga fakta-fakta yang tidak tepat ini sering diarah berdasarkan nilai-nilai tertentu seperti nilai-nilai etika dalam agama, kelas sosial, ras, ideologi dan lain lain lagi.

Fakta sememangnya juga mempunyai kaitan dengan nilai. Faktor nilai menentukan kerelevan fakta terhadap konteks sejarah. Apabila nilai-nilai dibiarkan mempengaruhi pergolakan fakta, maka subjektivisme akan memainkan peranan

utama dan akan menyebabkan fakta menjadi tidak benar. Misalnya fakta sejarah yang ditulis pada zaman sebelum kemerdekaan adalah berbeza dengan tulisan yang ditulis pada zaman selepas mencapai kemerdekaan. Pembahagian fakta ini dilakukan secara berbeza kerana fakta telah diselaputi oleh nilai-nilai subjektif yang ada pada diri penulis. Oleh itu, Ranke menyarankan agar fakta tidak di ‘warnai’, dihias dengan nilai-nilai subjektif tetapi perlu diungkap dengan sebenar-benarnya agar fakta tidak akan dipengaruhi oleh kepentingan peribadi, gologan, ras, agama dan lain-lain lagi.<sup>22</sup>

Selain fakta, terdapat juga sub-fakta bagi disiplin sejarah. Sub-fakta berasal dari fakta-fakta yang telah dibahagikan dalam bentuk faktor-faktor. Misalnya faktor-faktor Perang Dunia Kedua telah dapat dibahagikan kepada banyak sub-fakta seperti pendaratan di Pantai Normandi, serangan udara Pearl Harbour, jatuhnya kota Berlin dan lain-lain lagi.

Persoalan fakta dan realiti sejarah pula berkait dengan pemahaman manusia mengenai konsep kebenaran sejarah itu sendiri. Apakah yang dinamakan kebenaran dan bagaimana menilai sama ada sesuatu perkara itu benar ataupun palsu?. Dalam tradisi falsafah barat, teori tentang kebenaran yang dipegang ramai ialah *correspondence theory of truth*.<sup>23</sup> Menurut teori ini, sesuatu kebenaran itu dapat dinilai melalui fakta yang diutarakan itu bertepatan dengan realiti di luarnya. Sekiranya perkara itu tidak berlaku dengan sebenar-benarnya, maka tahap kebenaran fakta itu akan berkurangan tetapi ia tetap diterima pakai.

Berbeza dengan penulis-penulis Muslim pula, kebanyakan mereka yang menulis mengenai sejarah Islam dengan menggunakan sumber-sumber atau faktafakta yang benar seperti al-Quran dan as-Sunnah dituntut supaya menghiasi diri dengan nilai-nilai keagamaan agar dapat menuliskan apa yang sebenarnya berlaku. Ini kerana di dalam Islam, kebenaran (*al-haq*), bukan sekadar perkara yang berkaitan dengan kenyataan di luar sahaja tetapi merujuk kepada realiti dan hakikat sesuatu (*reality and truth*). Realiti merujuk kepada apa yang berlaku dan hakikat merujuk kepada apa yang sepatutnya berlaku. Kedua-duanya tidak boleh menyalahi kebenaran yang dibawa oleh al-Quran dan as-Sunnah. Sekiranya berlaku perkara-perkara yang menyalahi hakikat sebenarnya, maka fakta tersebut merupakan fakta yang salah atau bersifat batil (*false fact*).<sup>24</sup> Oleh itu penulis-penulis Muslim disarankan agar berpegang teguh kepada nilai-nilai akhlak keagamaan yang mutlak seperti jujur, ikhlas, amanah dan sebagainya agar tidak bersalah dalam membuat penafsiran terhadap fakta-fakta sejarah yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

## KRITIKAN TERHADAP SUMBER DAN FAKTA SEJARAH

Sejarah bukanlah sekadar kumpulan bahan-bahan sejarah lama semata-mata tetapi isi kandungannya perlulah dikaji, diberi pengamatan yang kritis terhadapnya dan seterusnya dijadikan panduan bagi generasi akan datang. Sekiranya sejarawan tidak memandang sesuatu sumber sejarah itu dengan kritis, ia belum lagi dikira sebagai sejarawan yang sebenar-benarnya sejarawan. Ini kerana sumber yang telah

diuji akan kebenarannya merupakan perkara yang amat penting dalam sejarah berbeza dengan penulisan sastera yang kreatif. Sekiranya sesuatu sumber itu diterima secara bulat-bulat maka masyarakat tidak akan dapat menerima hakikat sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku itu sama ada benar ataupun tidak sepetimana berlakunya pada teks *Sejarah Melayu*.

Bila kita bertanya tentang tarikh mula sejarawan terlibat dalam penulisan sejarah sudah tentulah jawapannya pada awal abad ke-5 sebelum masih (B.C). Contohnya, pada abad ke 5 sebelum masih, Herodotus menulis tentang kebangkitan Empayar Parsi. Untuk menulis tentang sejarah kebangkitan empayar ini maka beliau telah melawat tempat-tempat yang pernah ditakluki oleh empayar Parsi seperti Mesir, Syria, Mesopotamia, Scythia, Cyrene dan bekas medan pertempuran di antara Yunani dan Parsi. Sejarah yang ditulisnya ini juga adalah berdasarkan daripada temubual beliau dengan orang-orang yang terlibat dalam pertempuran atau yang menyaksikan sendiri segala kejadian atau peristiwa sejarah itu.<sup>25</sup> Maka ramailah sejarawan selepasnya yang menggunakan sumber Herodotus tanpa mengkritiknya kerana dirasakan sumber tersebut telah pasti dan tepat. Disebabkan itu maka banyaklah berlakunya fakta-fakta yang kurang tepat dan meragukan.

Keadaan ini masih juga diteruskan sehingga lahir kesedaran sejarah di kalangan golongan intelektual untuk membuat kritikan terhadap kebenaran sumber sejarah. Berdasarkan pendapat sesetengah sejarawan barat, kritikan sejarah (*historical criticism*) mula wujud setelah berlakunya zaman Pembaharuan (Renaissance) di Eropah. Tokoh-tokoh seperti Jean Mabillon,<sup>26</sup> John Bollandus,<sup>27</sup> Rene Descartes<sup>28</sup> dan pengikutnya yang mendokong aliran Cartesian telah cuba mempersoalkan kebenaran sumber-sumber utama karya-karya yang ditulis oleh sejarawan zaman Pertengahan.<sup>29</sup> Sekitar abad ke-19 pula, kegiatan kritikan sumber ini mula dikembangkan kembali oleh sejarawan moden, iaitu Leopold von Ranke.<sup>30</sup> Beliau telah memperkenalkan kaedah kritikan sumber ini atau dikenali sebagai *Quellinkritik* dalam bidang sejarah. Pada akhir abad ke-19, asas-asas kritikan sumber sejarah telah diletakkan secara sistematik oleh Ernst Bernheim (1889), iaitu dengan membahagikan kritikan sumber kepada dua bahagian iaitu kritikan dalaman dan luaran (*internal and external criticism*).<sup>31</sup>

Namun keadaan ini berlainan pula jika diberbandingkan dengan sejarawan Islam. Bagi sejarawan Islam, kritikan terhadap sumber sejarah Islam telah bermula semenjak tahun pertama kelahiran negara Islam lagi (abad pertama Hijrah), iaitu apabila mereka menghadapi masalah penyebaran hadis palsu dan lemah.<sup>32</sup> Oleh kerana itu, maka lahirlah Ilmu Mustalah Hadis<sup>33</sup> dalam menangani masalah pemalsuan hadis-hadis Nabi.

Dalam menentukan sama ada sesuatu hadis itu sahih ataupun diragukan, para Muhadisun<sup>34</sup> akan menggunakan dua kaedah. Pertamanya adalah kajian sanad atau perawi hadis yang merupakan kritikan secara luaran. Muhadisun akan cuba sedaya upaya mencari perawi yang cukup kuat daya ingatannya dan bersifat jujur (tidak bohong) untuk menentukan nilai hadis tersebut sebelum mereka menulis semula hadis-hadis yang kumpulkan itu. Keduanya yang merupakan juga kritikan

dalam iaitu Muhadisun akan mengkaji dari segi matannya ataupun kandungan hadis tersebut. Muhadisun akan melihat dari segi susunan kalimatnya sama ada ia yang kemas ataupun tidak teratur, bertentangan dengan beberapa hadis yang masyhur atau riwayat tentang peristiwa yang terjadi di depan umum dan mengungkapkan sesuatu yang luar biasa yang tidak terdapat daripada mana-mana hadis yang lain.<sup>35</sup>

Para Muhadisun amat berhati-hati dalam penggumpulan hadis-hadis mahupun sumber-sumber yang lain agar apa yang ditulis tidak mengandungi dongeng dan prasangka sahaja. Ini kerana mereka amat berpegang kepada ajaran al-Quran yang melarang hambanya daripada bersikap prasangka atau ragu-ragu tentang apa yang dibuat oleh mereka sendiri. Kepatuhan mereka itu adalah berdasarkan beberapa larangan dalam beberapa ayat al-Quran. Antaranya ialah dalam surah Al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud:

*"Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kamu daripada banyak berperasangka, sesungguhnya berperasangka itu adalah dosa dan janganlah mencari-cari kesalahan orang lain."*

Surah al-Najm ayat 28:

*"Dan mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan tentang itu. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan sedang sesungguhnya persangkaan itu tiada faedah sedikit pun terhadap kebenaran."*

Surah Yunus ayat 36:

*"Dan kebanyakannya mereka tidak mengikuti kecuali prasangka sahaja. Sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran..."*

Ayat-ayat tersebut adalah sebagai teladan kepada mereka terhadap sikap kaum-kaum yang tidak mahu menerima Islam supaya mereka berhati-hati tentang segala fakta yang diterima dengan menyelidiki kebenaran sumber yang diterima. Al-Quran juga banyak menasihati masyarakat Islam agar membezakan antara apa yang benar dan apa yang salah serta melarang orang-orang Islam daripada mengikut jejak ahli-ahli Kitab yang suka mencampuradukkan di antara yang benar dan yang salah. Semuanya diungkapkan di dalam surah al-Imran ayat 71 yang bermaksud:

*"hai ahli kitab, mengapakah kamu mencampur adukkan yang haq dengan yang bathil, dan menyembunyikan kebenaran padahal kamu mengetahui."*

Begitu juga dengan hadis-hadis nabi yang merupakan sumber kedua dalam warisan Islam. Ia perlu dirujuk oleh setiap muslim dalam menentukan segala fatwa yang dikeluarkan mengikut syariat ataupun tidak. Hadis-hadis yang dikumpulkan dijadikan sumber kedua utama selepas al-Quran apabila para Muhadisun mula menulis mengenai ilmu-ilmu syariah.

## KRITIKAN SEJARAWAN BARAT

Bagi sejarawan Barat, kritikan terhadap kebenaran sejarah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *external* dan *internal criticism* (kritikan luaran dan dalaman)

### a Kritikan Luaran (*External Criticism*)

#### 1 aspek kebenaran (*authenticity*)

Langkah pertama membuat penafiran terhadap dokumen sejarah, perlulah disahkan akan kebenarannya. Aspek kebenaran ini dianggap sebagai salah satu aspek dalam kritikan luaran.

Ramai sejarawan tradisi dalam mana-mana tamadun pada peringkat awalnya boleh dikatakan menulis sejarah tanpa memberi perhatian terhadap kebenaran dan kesahihan sejarah tersebut. Berbeza dengan tradisi pensejarahan Islam dari awal lagi telah memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini sejak abad ke-3 lagi. Contohnya, al-Tabari yang menulis *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*<sup>36</sup> adalah antara sejarawan awal selepas hijrah yang memberi perhatian terhadap kebenaran sejarah. Ketika beliau menulis sejarah nabi-nabi, beliau bukan sekadar mempelajarinya malahan membuat penyelidikan melalui sejarah lisan (*oral history*) iaitu dengan bertanya kepada orang-orang yang boleh dipercayai dan mempunyai ingatan yang cukup kuat. Peristiwa-peristiwa sejarah yang dibawa olehnya selalunya didahulukan dengan sanad-sanad.<sup>37</sup> Jadi al-Tabari seolah-olah cuba mengikuti kaedah yang telah digunakan oleh para Muhadisun dalam mencari sumber sejarah agar sejarah yang dihasilkan itu adalah sejarah yang benar-benar jelas dan tepat faktanya.

Tradisi menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh para Muhadisun yang bermula sejak abad ke-3 ini berterusan sehingga zaman-zaman selepasnya termasuk zaman Ibn Khaldun dan seterusnya. Ini juga membuktikan kepada kita bahawa terdapat hubungkait di antara kaedah yang diperkenalkan oleh para Muhadisun dan sejarawan Islam pada ketika itu. Contohnya Ibn Khaldun yang bukan sahaja seorang ahli falsafah sejarah Islam, malah beliau merupakan ahli sosiologi, dan guru hadis di sekolah terkenal di Kaherah Mesir juga turut menggunakan kaedah tersebut.

Berlainan pula dengan sejarawan di dunia barat yang mengatakan bahawa kritikan sejarah terutamanya sumber sejarah telah bermula pada zaman kesedaran atau ada pula di kalangan mereka yang mengatakan kritikan bermula apabila tokoh pensejarahan moden iaitu Leopold von Ranke muncul pada abad ke-19. Ranke merupakan tokoh yang memainkan peranan penting di dalam perkembangan penulisan sejarah. Di dalam seminar di University of Berlin, Ranke telah membawa satu perkembangan baru dalam dunia akademik. Ramai sejarawan telah mula diberi latihan khusus terutama dalam penafsiran secara kritis terhadap sumber-sumber primer (*primary sources*). Dengan perkembangan ini maka banyak bahan-bahan arkib telah mula dikaji dan diselidiki buat pertama kalinya pada abad ke-19 sehingga Ranke dianggap sebagai orang yang benar-benar mengasaskan pengkajian rekod-

rekod sejarah. Ini kerana beliau merasakan bahawa penulisan dan penafsiran sejarah secara kritis dengan membuat kritikan terhadap perkara yang meragukan perlu berjalan seiring. Melalui hasil inisiatif beliaulah, sejarah telah menjadi satu disiplin ilmu moden setanding dengan ilmu-ilmu yang lain pada abad ke-20.

Setelah itu ramai para intelektual barat mula mempertikaikan tentang kesahihan sejarah barat yang selama ini ditulis dengan dicampuradukkan perkara-perkara dongeng, mitos dan lagenda untuk menyedapkan lagi peristiwa atau jalan cerita sejarah itu. Setelah menyelidiki kaedah yang digunakan oleh sejarawan Islam, maka mereka telah cuba pula memperkenalkannya serta mempraktikkannya.

Sejarawan Barat memang sedar akan matlamat kritikan terhadap sejarah. Kritikan amat penting bagi mencari kesahihan (*authenticity*) terhadap peristiwa sejarah yang sebenar-benarnya. Kesahihan yang dimaksudkan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu teks (sumber) dan penyampai sumber itu. Jika penyampai sumber melakukan pembohongan maka berita atau sumber yang diberikan itu adalah sumber yang palsu.

Sekiranya timbul keraguan maka sejarawan akan cuba mencari bukti-bukti lain iaitu

1. Mereka akan mengesan kembali siapakah yang mengeluarkan sesuatu sumber tersebut.
2. Kandungan daripada dokumen yang ditulis itu mestilah diuji terlebih dahulu untuk mengetahui kaitannya dengan fakta-fakta primer yang diketahui. Sekiranya bercanggah, maka pemalsuan dapat diketahui.
3. Dokumen-dokumen yang diperolehi mungkin berhubung dengan tanda-tanda (*clues*) tertentu. Contohnya sejarawan yang berurus dengan dokumen-dokumen tulisan tangan memerlukan sesuatu kajian khusus daripada ahli paleografi (*palaeographer*) untuk membuat keputusan sama ada sesuatu skrip itu benar dari segi masa dan tempatnya. Mereka juga memerlukan seorang ahli filiologi untuk menentukan atau menilai gaya dan bahasa daripada teks yang digunakan.
4. Sejarawan boleh meminta pertolongan daripada mereka yang mahir di dalam bidang teknikal untuk memeriksa bahan yang digunakan pada masa pengeluaran dokumen tersebut. Contohnya, penyiasatan kimia boleh menentukan usia kertas, dakwat dan bahan-bahan yang digunakan untuk menulis sumber tersebut seperti kulit lembu atau kulit kambing.<sup>38</sup>

Kesemua kaedah yang disebutkan tadi telah digunakan oleh sejarawan pada zaman pertengahan lagi untuk mencari sumber yang tepat dan benar. Sebelum lahirnya ciptaan mesin cetak pada abad ke-15, buku-buku yang ditulis dengan menggunakan tangan telah disimpan di dalam biara-biara sebagai pusat pengeluar buku-buku. Walaubagaimanapun kesalahan yang terdapat di dalam penulisan sejarawan-sejarawan tersebut tidak boleh juga dielakkan. Ini menyebabkan tulisan-tulisan yang seterusnya juga mengambil asas daripada buku yang asal yang banyak kesilapan di dalamnya dan ia tetap mengalami nasib yang sama iaitu terdapat beberapa kenyataan di dalamnya yang tidak jelas dan benar.

**b Kritikan Dalaman (*Internal Criticism*)**

Pembahagian antara kritikan luaran dan dalaman ini telah diiktiraf oleh sekolah-sekolah di Barat bermula dengan pembelajaran ‘Kritikan Sejarah pada Abad ke-19’ dan dari waktu itulah matapelajaran tersebut mula ditulis. Kritikan dalaman dan luaran (*Internal* dan *External Criticism*) ini perlu dipelajari kerana ia ada hubungan di antara satu sama lain. Tidak lengkap kajian sejarah tanpa ada salah satu di antara kedua-duanya. Jika kritikan luaran adalah untuk menentukan ketulinan dan keaslian (*authenticity*) sesuatu sumber sejarah itu maka kritikan dalaman pula bertujuan untuk menentukan kemunasabahan (*credibility*) ataupun kewarasan (*kerasionalan*) tentang sesuatu isi kandungan sesuatu sumber sejarah. Walaupun dikatakan sumber itu mungkin asli jika dilihat dari sudut kritikan luaran, tetapi jika isi kandungannya tidak munasabah, maka ia tidak wajar dijadikan sumber rujukan sejarah.

Kemunasabahan dan kebenaran sesuatu sumber itu boleh diteliti apabila ia dihubungkaitkan dengan persoalan ‘siapa, bila dan di mana’. Persoalan ‘siapa’ itu berkait dengan diri penulis (subjek) sesuatu karya sejarah itu. Contohnya Raja Ali Haji ialah seorang ulama, budayawan, sejarawan dan juga pujangga. Karya beliau yang termashyur ialah *Tuhfat al-Nafis* yang mengisahkan pelbagai sejarah iaitu dari zaman Raja Melayu yang asal bernama Seri Teri Buana dari Bukit Seguntang dan membuka kerajaan di Temasik (Singapura) sehingga ke zaman pemerintahan Temenggong Abu Bakar yang menjadi Sultan Johor. Dalam karyanya, beliau turut memuatkan tentang penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan tersebut seperti memerintah supaya kaum wanita memakai tudung, melarang rakyat berjudi dan menyabung, melarang rakyat melakukan perkara-perkara yang mendekati dengan zina seperti menyanyi, beranjut, berpantun dan sebagainya.<sup>39</sup>

Daripada penjelasan ini kita perlu juga melihat karya-karya lain mengenai period pemerintahan raja-raja sepermulaan yang diutarakan oleh Raja Ali Haji pada ketika itu. Sebagai sejarawan kita harus membuat sedikit penafsiran dan evaluasi mengenai keterangan sejarah (*historical account*) yang dikemukakan termasuk juga ide penulis tersebut samada ia sesuai dan boleh digunakan ataupun tidak. Dengan mengetahui akan latarbelakang diri penulis tersebut maka kita boleh mengetahui akan fakta yang diberikan itu samada benar ataupun salah.

Jika kita dapati penulis tersebut adalah seorang pemerintah, ketua atau seorang sejarawan pada zaman dan period yang sama serta mereka pula pernah tinggal di tempat atau negara yang sama, kita akan dapat melihat wujudnya perbezaan dari segi pendekatan, keterangan dan tafsiran. Mereka akan menulis mengikut konsep, matlamat, serta ide menerusi kacamata mereka sendiri. Jadi sejarawan perlu berhati-hati terhadap ide mereka kerana kelak ditakuti pentafsiran yang dilakukan terhadap ide mereka itu kurang tepat dan berbeza sama sekali. Malahan apa yang ditakuti ialah kita sendiri akan terpengaruh dengan pendekatan mereka sehingga ide kita juga cenderung kepada mereka. Maka akan wujudnya kecondongan (*bias*) dalam pentafsiran ide yang sedia ada.

## **BILA DAN DI MANA**

Kedua-dua perkataan ini penting untuk dipersoalkan oleh sejarawan dalam keterangan sejarahnya. Sebagai contohnya Raja Ali Haji yang tinggal di Pulau Penyengat Riau dan Munsyi Abdullah dari Tanah Melayu. Kedua-dua mereka ini pernah hidup pada abad yang sama iaitu abad ke-19 tetapi berlainan lokasi atau tempat. Jadi jika kita ingin mendapatkan fakta mengenai kegiatan masyarakat Bugis sekitar awal dan pertengahan abad ke-19, maka sudah tentunya tulisan Raja Ali Haji yang perlu diberi keutamaan kerana beliau pernah hidup pada zaman tersebut (1809-1870) dan berdepan dengan keadaan sosio-politik masyarakat Bugis pada masa itu. Ini ditambah pula dengan sikap beliau yang amat mementingkan penggunaan tarikh yang tepat bagi sesuatu peristiwa yang berlaku dan penekanan terhadap sumber yang berwibawa dan asli. Faktanya lebih bersifat objektif berbanding dengan sejarawan yang tinggal jauh di tempat lain atau tidak terlibat secara langsung dengan keadaan sosio-politik masyarakat Bugis sendiri.

Jadi kedua-dua persoalan ‘bila’ sejarawan tersebut terlibat dan ‘di mana’ beliau tinggal pada masa kejadian tersebut berlaku itu dirasakan cukup penting sekali kerana fakta yang diterima darinya akan lebih bersifat objektif dan jelas. Ini kerana segala fakta darinya akan turut mempengaruhi keterangan, penafsiran dan nilai penulisan yang akan ditulisnya.

Sekiranya sejarawan pernah hidup pada zaman yang sama tetapi tinggal di sesuatu tempat lain ketika berlakunya peristiwa dan hanya membaca atau mendengar perkhabaran sahaja maka nilai penulisannya akan berbeza sama sekali dengan fakta yang diberikan oleh Raja Ali Haji. Ini termasuklah sejarawan yang hidup di zaman atau abad ke-20 dan cuba menulis mengenai sejarah masyarakat Bugis sepertimana yang telah dilakukan oleh Raja Ali Haji. Sudah tentulah ia berbeza sama sekali terutama dari segi pandangan, penafsiran dan sebagainya kerana sejarawan tersebut langsung tidak pernah merasa sendiri suasana kehidupan dan keadaan pada zaman tersebut.

## **BAHASA**

Aspek bahasa yang digunakan dalam sesuatu bahan bertulis adalah penting kerana dengan bahasa kita dapat membaca sesuatu teks itu dan faham akan maksud daripada perkataan yang ditulisnya. Bahasa yang sukar akan membawa masalah kepada sejarawan dalam memberi penafsiran terhadapnya. Oleh itu dalam hal kritikan dalaman ini sewajarnya sejarawan mengambil kira akan beberapa perkara penting sebelum membuat pengkajian rapi iaitu memahami bahasa, maksud tulisan penulis dan mengetahui akan ragam, niat serta fikirannya itu sama ada dia seorang yang prejudis atau dia mudah terpengaruh dengan fakta-fakta lain atau dia menulis berdasarkan fakta sejarah yang benar ataupun tidak. Perkara ini penting kerana ia akan memberi kesan terhadap fakta-fakta yang diutarakan sama ada ia boleh dipercayai ataupun tidak.

Apabila terdapat sedikit kecondongan, berat sebelah atau *bias* yang ditemui, maka ia tidak sewajarnya dibuang atau diketepikan begitu sahaja. Sumber yang *bias* ini mungkin mempunyai kepentingan sejarahnya sendiri. Melalui edaran dokumen-dokumen yang diterbitkan, ide atau pemikiran yang *bias* di atas dokumen tersebut boleh merubah pandangan masyarakat umum. Contohnya jika berlaku ketidakpuasan golongan tertentu terhadap kerajaan yang menghadapi krisis kepimpinan, maka golongan ini akan segera mengedarkan dokumen bertulis yang bersifat berat sebelah bagi membuka mata dan minda masyarakat. Sudah tentulah masyarakat yang sedar akan perkara tersebut akan segera merubah fikiran mereka dan bersetuju dengan golongan ini. Maka di sinilah letaknya kepentingan ide atau dokumen yang bersifat berat sebelah ini. Namun terdapat bahayanya pula iaitu jika ia melibatkan tokoh-tokoh tertentu dalam kerajaan maka ia akan disalah tafsirkan oleh sesetengah masyarakat atau generasi pada masa itu dan akan datang sehingga kesan buruk akan timbul jika ia melibatkan perancangan dan perlaksanaan polisi-polisi negara.

Selain itu bahasa yang ditulis juga sentiasa berubah-ubah dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Contoh karya Ibn Khaldun yang telah ditulis pada abad ke-14 berbeza sekali dari segi bahasanya berbanding dengan bahasa yang digunakan pada hari ini. Bahasanya mempunyai falsafah disebaliknya yang mungkin sukar ditafsirkan. Oleh itu segala perkataan yang ditulis oleh sejarawan perlulah diterangkan semula dengan penerangan dan penjelasan yang nyata dan terang. Ini adalah kerana setiap penulis mempunyai tafsirannya tersendiri di atas setiap apa yang telah ditulisnya.

Selain itu juga penggunaan faktor-faktor luaran (*external*) amat diperlukan kerana ia bukan sekadar untuk menyokong atau mempertahankan bahan-bahan sejarah dalam perbincangan tetapi ia perlu untuk menjadikan perbincangan tampak lebih menarik dan dirasai penting serta bermatlamat. Perhatian perlu diberikan kepada kaedah-kaedah asas dan matlamat sejarah. Walaupun kita telah terbiasa dan ‘hadam’ dengan kaedah dan pemikiran sejarah di peringkat asas namun kita tidak boleh menganggap ia sebagai satu perkara remeh dan perlu dikesampingkan. Ini kerana kaedah dan pemikiran sejarah di peringkat tersebut masih belum serta sukar mencapai satu pencapaian yang terbaik buat masa kini di kalangan ramai sejarawan.

Kemunasabahan sesuatu sumber bukan sekadar tertakluk hanya pada aspek-aspek yang dibincangkan di atas sahaja. Pada hari ini terdapat beberapa sumber dan fakta-fakta sejarah yang kurang munasabah telah mula dipertikaikan oleh beberapa sejarawan moden dengan melihat aspek-aspek lain yang dirasakan munasabah untuk dikritik. Contohnya kenyataan yang pernah dinyatakan oleh sejarawan seperti Arnold Toynbee pada suatu ketika dahulu telah dipertikai dan dikritik sehebat-hebatnya. Dalam kenyataan Arnold Toynbee, Marco Polo yang merupakan seorang pelayar berbangsa Itali telah tiba ke Asia terutamanya di negara China sekitar 1271-1295 melalui Laut Hitam dan Istanbul (Constantinople). Toynbee juga turut menyebut bahawa Marco Polo akan singgah di istana Kublai Khan setibanya di negara China.<sup>40</sup> Namun kini kenyataan tersebut dianggap tidak benar oleh sejarawan moden atas

beberapa alasannya yang agak munasabah.

Mengikut kenyataan yang diberikan oleh Norman G. Owen and E.V. Roberts, Frances Wood dalam '*Did Marco Polo Go to China*' mengatakan bahawa tiada bukti yang kukuh mengenai kedatangan atau pelayaran Marco Polo ke China dan kenyataannya tiba ke China adalah palsu.<sup>41</sup> Jadi bagaimanakah kita boleh katakan bahawa pelayaran Marco Polo itu adalah palsu belaka? Terdapat beberapa bukti kukuh tentang pemalsuan kenyataan yang dibuat oleh Marco Polo mengenai lawatan beliau ke negara China. Antaranya ialah:

1. Tiada satu rekod pun tentang kehadiran beliau ke China. Ini dibuktikan apabila tiada satu pun kenyataan dalam mana-mana rekod China tentang kedatangannya atau pernah menjadi tetamu Kublai Khan sepanjang ketibaannya di sana.

2. Marco Polo gagal membuat kenyataan tentang budaya makan rakyat di China dengan menggunakan penyepit (*chopsticks*), tradisi mengikat kaki (*foot-binding*) ataupun teh sebagai minuman kegemaran orang negara China yang sepatutnya ditemui atau dilihat sendiri oleh Marco Polo sepanjang beliau berada di sana.

3. Marco Polo juga tidak langsung membuat satu kenyataan tentang sahabat-sahabat atau sesiapa yang pernah ditemuinya sepanjang pelayaran ke negara China.

4. Beliau dikatakan gagal menulis mengenai Tembok Besar China yang menjadi simbol atau mercu tanda bagi negara China dan kemegahan rakyat China sendiri.

5. Dari sudut geografi China yang dibuatnya dikatakan kurang tepat dan salah. Banyak kenyataan yang dibuat olehnya terutama mengenai pengalaman-pengalaman daripada peristiwa-peristiwa tertentu hanya berlaku selepas ketiadaannya.<sup>42</sup>

Walaupun terdapat kritikan yang begitu hebat terhadap lawatan Marco Polo ke China yang dikatakan palsu itu, namun masih ada suara-suara bangkangan daripada kumpulan penyokong Marco Polo dengan mengatakan bahawa:

1. Tembok Besar pada abad ke-13 diperbuat keseluruhannya daripada tanah dan kurang meninggalkan kesan binaan seperti yang ada pada hari ini.

2. Marco Polo ketika itu berada di dalam tahanan istana kerajaan Mongol dan tidak berkesempatan melihat tradisi orang China iaitu mengikat kaki, makan menggunakan *chopsticks* dan menikmati minuman teh. Jadi Polo banyak bergantung kepada kuasa daya ingatannya. Mereka juga menganggap Polo sekadar membuat kesalahan yang terlalu kecil dan dari segi ketepatan fakta pada masa tersebut pula tidak mempunyai kepentingan yang ketara sepertimana hari ini.

Walaupun masih tiada jawapan yang pasti mengenai perkara tersebut namun beberapa percubaan untuk menilai semula kemunasabahan perjalanan Marco Polo ke China masih lagi gagal. Sejauhmasih lagi menunggu sekiranya ada bukti-bukti lain yang terkini dan membolehkan sumber itu dibuat pemeriksaan dan

penyelidikan teliti serta diperbaiki semula.

Persoalan sekarang adakah wajar sejarah yang pernah ditulis oleh beliau itu disenarai hitamkan atau diketepikan sahaja? Pastinya tidak wajar kerana sejarawan moden masih tidak dapat memberikan kepastian yang benar-benar utuh. Walaubagaimanapun, Marco Polo tetap telah memberi sumbangan yang amat besar kepada dunia sejarah terutama sumbangannya terhadap sumber yang bermakna berdasarkan pandangannya yang benar. Kita juga perlu menghargai dan tidak boleh melupakan sumbangan beliau yang telah memberi gambaran terhadap kebudayaan negara China dan Asia Tengah yang merupakan simbol perhubungan di antara Barat dan Timur.

## **KESIMPULAN**

Jelasnya bahawa persoalan yang bersangkutan dengan sumber sejarah merupakan persoalan yang cukup penting bukan sahaja bagi seseorang sejarawan malah juga kepada ahli-ahli dalam bidang yang lain juga. Ini kerana melalui sumber-sumber itu mendapat ilham untuk melakukan penulisannya dengan sebaik mungkin di samping dapat mengukuhkan lagi kebenaran penulisannya melalui fakta-fakta yang didapati dari sumber-sumber yang dirujuk.

Sumber-sumber dari penulisan berlatar belakangkan Barat yang ditulis oleh pihak kolonial di Tanah Melayu suatu ketika dahulu sebenarnya telah mendatangkan masalah kepada pengkaji-pengkaji sejarah tanahair khususnya bagi sejarawan moden. Ini kerana sumber-sumber tersebut menimbulkan kekeliruan di kalangan pengkaji-pengkaji tempatan terutamanya penulisan mereka yang bersifat berat sebelah. Walaupun demikian tulisan-tulisan tersebut tetap juga menjadi sebahagian daripada sumber rujukan kepada pengkaji tanahair kerana negara kita masih kekurangan sumber-sumber bertulis yang ditulis oleh masyarakat tempatan pada ketika itu. Apa yang pentingnya ialah pengkaji-pengkaji tempatan haruslah bijak dalam mentafsir segala sumber-sumber yang diperolehi.

Dalam menentukan kesahihan dan kemunasabahan sesuatu sumber itu sejarawan haruslah melakukan kritikan sumber sama ada kritikan dalaman dan luaran sepertimana yang telah dilakukan oleh sejarawan terhadap kedatangan Marco Polo ke Negeri China. Kritikan yang dibuat itu perlulah di kaji dan diselidiki sedalam-dalamnya agar kita tidak menjadi seperti seekor ‘burung belatuk’ yang hanya menerima sesuatu tanpa mempertikaikan akan kesahihan dan kebenaran sesuatu fakta yang dibuat.

## **NOTA AKHIR**

1 Muhd Yusuf Ibrahim, **Pengertian Sejarah : Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1986, hlm. 65.

2 Muhammad Yusuf Hashim, **Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1992, hlm. 5.

- 3 Muhd Yusuf Ibrahim, **Pengertian Sejarah**, hlm. 67.
- 4 Khoo Kay Kim, **Pensejarahan Malaysia**, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 23.
- 5 Lihat prakata oleh Khoo Kay Kim dalam Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, **A History of Malaysia**, Macmillan Press; London, 1982, hlm. xi.
- 6 **Ibid.**
- 7 Muhd Yusuf Ibrahim, **Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1997, hlm. 206.
- 8 **Ibid.**, hlm. 204.
- 9 Khoo Kay Kim, **Ibid.**, hlm. xii.
- 10 Mohammad Raduan Mohd Ariff, "Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990," Tesis Ph. D, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1993, hlm. 2.
- 11 Khoo Kay Kim, op.cit., Lihat juga D.G.E. Hall dalam bukunya **A History of South-East Asia**, Macmillan Press; London, 1955, J.R.W. Smail dalam "Journal of Southeast Asian History" mengenai "On The Possibility Of An Autonomous History of Modern Southeast Asia", vol.2, 1961 hlm. 72-102 dan John Bastin dalam "Syarahan Perdana :Dua Puluh Lima Tahun Pertama", Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, mengenai "The Study of Modern Southeast Asian History", 1988, hlm 3-23.
- 12 Khoo Kay Kim, **Panji-panji Gemerlap**, hlm. 354-357.
- 13 Untuk merujuk akhbar-akhbar dan majalah-majalah berunsur sejarah dari 1900-1960 sila lihat Muhd. Yusof Ibrahim, **Pensejarahan Melayu 1800-1960**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1997., hlm. 134-162.
- 14 **Ibid.**, hlm. 142.
- 15 **Ibid.**, hlm. 72.
- 16 Leopold von Ranke adalah 'Bapa Pensejarahan Moden' di Jerman pada abad ke-19 dan menjadi profesor dalam bidang sejarah di Universiti Berlin dari 1824-1872. Beliau telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan disiplin sejarah sebagai satu bidang yang terpisah dari ilmu-ilmu yang lain (bersifat autonomi).
- 17 F. Stern (ed.), **The Varieties of History: From Voltaire to the Present**, Vintage Books; New York, 1973, hlm. 54.
- 18 Abdul Ahmad, **Kesusasteraan Bandingan Sebagai Satu Disiplin Ilmu**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1994, hlm. 128.
- 19 A.Teew, **Sastraa dan Ilmu Sastra**, Pustaka Jaya; Jakarta, 1984, hlm. 244.
- 20 Ibnu Khaldun, **The Muqaddimah**, Princeton University Press; New York, 1967, hlm.71.
- 21 A. Carr, **Apakah Sejarah**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1984, hlm. 86.

- 22 H.E. Barnes, **A History of Historical Writing**, Dover; New York, 1963, hlm. 245.
- 23 Paul Horwich, "Theories of Truth", dalam Jonathan Dancy (ed.), **A Companion to Epistemology**, Blackwell; Cambridge, 1992, hlm. 510.
- 24 Syed Muhammad Naquib al-Attas, **Prelegomena to the Metaphysics of Islam**, International Institut of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, 1996, hlm. 126.
- 25 Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, **Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1988, hlm. 38.
- 26 Jean Mabillon telah mewujudkan prinsip-prinsip kritikan sumber dan tokoh pertama yang memperkenalkan kaedah mengesan kesahihan dokumen-dokumen sejarah. Karya terkenalnya ialah "De re Diplomatica (1681)". Dalam karya ini beliau telah menghuraikan secara terperinci peraturan-peraturan yang harus didokong oleh seorang sejarawan dalam menilai ketulinan dokumen-dokumen sejarah dan sumber-sumber sejarah. ini kerana terdapat banyak pemalsuan yang berlaku terhadap sumber-sumber sejarah Zaman Pertengahan. R. Suntharalingam, **Pensejarahan Barat**, Fajar Bakti; Kuala Lumpur, 1993, hlm. 102-103.
- 27 John Bollandus adalah sejarawan yang telah memperkemas dan menghalusi kaedah-kaedah sejarah dan menegakkan kebenaran sejarah Beliau telah cuba menilai semula cerita-cerita rakyat yang menjadi warisan masyarakat serta menyangkal semua perkara yang berkait dengan lagenda. R. Suntharalingam, **Ibid.** hlm. 102.
- 28 Descartes
- 29 R.G. Collingwood, **The Idea of History**, Oxford University Press; Oxford 1994, hlm.59-63 dan 77.
- 30 John Tosh, **The Pursuit of History: Aims, Methods and New Directions in the Study of Modern History**, Longman; London, 1995, hlm. 56-57.
- 31 Abdul Rahman Haji Abdullah, **Op.cit.**, hlm. 76.
- 32 Abdul Rahman Haji Abdullah, **Pengantar Ilmu Sejarah**, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur, 1994, hlm. 86.
- 33 Ilmu Mustalah Hadis ialah satu ilmu untuk mengetahui istilah-istilah yang digunakan dalam ilmu hadis dan orang yang mula-mula menyusunnya ialah Qadi Abu Mahmud al-Ramahramzi. al-Nawawi, **Hadith 40**, diterjemah oleh Mustafa Abdul Rahman, Dewan Pustaka Fajar; Kuala Lumpur, 1992, hlm. 13.
- 34 Muhadisun ialah orang yang banyak menghafaz hadis serta mengetahui sifat-sifat orang yang meriwayatkan sesuatu hadis tersebut.
- 35 **Ibid.**,hlm. 86-87.
- 36 Karya ini merupakan karya terkenal beliau yang membincarkan tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam Sejarah Islam dengan meluas sekali iaitu berkenaan pemerintahan, al-Rusul dan al-Muluk (raja-raja) pada zaman sebelum Islam. Di dalam karya ini juga dibincangkan sejarah masyarakat Sasaniyah dan Arab, sejarah kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. sehingga kewafatannya, Khulafa al-Rasyidin, Zaman al-Amawi dan Zaman Abbasiyyah. Wan Yahya Wan Ahmad, **Pensejarahan Awal Islam**, Penerbit Universiti Malaya; Kuala Lumpur, 1992, hlm. 72.
- 37 **Ibid.**

- 38 J.Tosh, **The Pursuit of History:Aims, Methods and New Directions in the Study of Modern History**, Longman; London, 1991, hlm. .57-58.
- 39 Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, **Tuhfat al-Nafis**, Virginia Matheson (ed.), Fajar Bakti; Kuala Lumpur, 1982, hlm. 341-342.
- 40 Arnold J. Toynbee, **A Study of History**, “A Study of History : A Bridgement” oleh D.C. Somervell, Oxford University Press; London, Vol. 2, 1962, hlm. 749.
- 41 Norman G. Owen and E.V. Roberts, **Asia Magazine**, 5-7 Sept, 1997, hlm.21. Norman merupakan seorang Professor di bidang sejarah dan Roberts pula di bidang politik di Universiti Hong Kong.
- 42 **Ibid.**